


# MODUS OPERANDI PENGGODAM E-MEL



SUMBER PDRM

# Keldai siber pula muncul

Sindiket antarabangsa didalangi warga Afrika peralat wanita kita perdaya syarikat dalam internet

Oleh Safeek Affendy Razali  
safeekaffendy@bharian.com

**K**UALA LUMPUR: Selain dijadikan keldai dadah, wanita tempatan kini diperalatkan sebagai keldai internet oleh sindiket antarabangsa warga Afrika dengan menggunakan akaun internet dan akaun bank mereka untuk pelbagai kegiatan penipuan secara atas talian di seluruh dunia. Modus operandi sindiket warga Nigeria yang mempunyai kepakaran teknologi maklumat (ICT) itu adalah dengan menggodam e-mel syarikat antarabangsa yang mengandungi maklumat sulit transaksi perniagaan dan menghubungi syarikat itu selepas mencipta emel baru yang alamatnya mirip e-mel pelanggan syarikat yang berurusan niaga dengan syarikat yang mahu ditipu.

# Anggota sindiket sanggup kahwin wanita tempatan

B/A 30/3/2012 MS4.

DARI MUKA 1

Mereka mengurus niaga menerusi e-mel palsu termasuk rundingan pembelian. Selepas meyakinkan mangsa, anggota sindiket mengambil alih urus niaga dan menghantar e-mel mengarahkan pembeli memasukkan wang ke dalam akaun bank milik wanita rakyat tempatan yang didaftarkan di Malaysia.

Sebelum itu mereka menjalin hubungan dengan wanita tempatan supaya mudah dipujuk untuk membuka akaun. Ada antara mereka sanggup memeluk agama Islam dan berkahwin dengan mangsa.

Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, Asisten Komisioner Mohd Kamarudin Md Din, berkata siasatan terhadap enam kes penipuan awal tahun ini mendapati semua akaun bank itu dimiliki wanita tempatan yang disyaki menjalin hubungan dengan anggota sindiket.

"Sebaik bayaran dimasukkan dalam akaun, mangsa diarah pasangan mereka memindahkan wang kepada rangkaian sindiket di luar negara melalui khidmat kiriman wang antarabangsa.

"Suspek mengelak penggunaan akaun bank sendiri atau rangkaian sindiket di luar negara bagi mengelak dikesan jika kegiatan terbongkar.

"Taktik itu juga bagi mengelak wang atau aset mereka di Malaysia atau luar negara dikesan, seterusnya dibekukan pihak berkuasa. Wanita kita dijadikan keldai internet seperti keldai dadah," katanya.

Sejak Januari lalu, enam kes dilaporkan membabitkan 10 wanita tempatan dengan kerugian mencecah jutaan ringgit, termasuk kes terbaru membabitkan pena-

hanan ibu tunggal berusia 34 tahun di Johor Bahru Sabtu lalu bersama pelajar kolej swasta warga Nigeria yang didakwa suaminya.

Mohd Kamarudin berkata, penahanan itu susulan maklumat Bank Pusat Amerika Syarikat (AS) yang melaporkan pembayaran oleh pelanggannya kepada sebuah syarikat pembuat pakaian di Jakarta, Indonesia dimasukkan dalam akaun bank milik ibu wanita berkenaan sebelum polis menahannya untuk siasatan lanjut.

Hasil soal siasat membawa kepada penahanan suaminya dan seorang lagi lelaki Afrika berusia 25 tahun dalam dua serbuan berasingan di Pelangi Damansara, Petaling Jaya dan Pandan Indah, Ampang, pada Jumaat lalu.

Polis merampas telefon bimbit dan peralatan komputer yang mereka gunakan untuk berhubung dengan anggota sindiket lain di luar negara serta menggodam akaun mangsa.

"Lebih mengejutkan anggota sindiket sanggup memeluk Islam bagi meyakinkan pasangan, namun ketika ditahan mereka masih memakai rantai mempunyai lambang salib," katanya.

Berikutan itu, polis menasihatkan orang ramai terutama ahli perniagaan supaya berwaspada ketika menggunakan talian internet percuma seperti Wifi, selain meneliti dan menyemak e-mel bagi mengelak maklumat dicuri penggadam.

"Bukit Aman sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa luar negara, termasuk Interpol bagi memantau aktiviti yang meragukan dalam sebarang urusan perniagaan melalui e-mel," katanya.

Beliau berkata, selain Malaysia, sindiket berkenaan beroperasi di Timur Tengah dan Afrika.



**DUA** warga Nigeria ditahan akibat memperdaya wanita tempatan sebagai keldai internet.

# Cinta jerat keldai dadah

B/4 30/3/12 MS 4

## Jumlah masuk penjara luar negara kian membimbangkan

Oleh Hardi Effendi Yaacob

hardi@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Kesempitan wang dikenal pasti punca utama lelaki Malaysia rela diperalatkan sebagai keldai dadah hingga terpaksa merengkok dalam penjara di luar negara, manakala wanita pula terpedaya melakukan jenayah itu selepas terjat dalam percintaan dengan anggota sindiket antarabangsa yang didalangi warga Afrika.

Kajian Bahagian Konsular Kementerian Luar mendapati kira-kira 80 peratus daripada rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara atas kesalahan menyeludup dadah adalah lelaki, manakala selebihnya wanita dengan sebahagian besarnya mendakwa diperalatkan.

Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri Luar, Neow Choo Seong, berkata perkembangan itu menunjukkan masalah keldai dadah membabitkan warga tempatan di luar negara makin membimbangkan dan memerlukan tindakan segera pihak berkuasa untuk membendungkannya daripada berleluasa.

"Biasanya keldai dadah tertumpu kepada gadis dan wanita yang menjadi mangsa akibat terjat dalam percintaan atau mengejar ke-

mewahan yang dijanjikan sindiket. Sebenarnya, lelaki kita juga tidak terkecuali, malah mereka paling ramai ditahan di luar negara.

"Berdasarkan laporan, kebanyakannya bukan mangsa atau diperdayakan sindiket dadah seperti gadis dan wanita kita kerana mereka tahu apa yang dibawa.

"Ada yang mengaku kerana terdesak dan kesempitan wang, selain menganggap cara itu saja yang mampu mengubah kehidupan tanpa memikirkan implikasinya," katanya pada Seminar Kesedaran Rakyat Mengenai Masalah Keldai Dadah, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, berdasarkan modus operandi sin-



*Kebanyakan lelaki Malaysia melakukan kegiatan itu secara berkumpulan dengan mengagihkan bahan terlarang bagi mengelak dikesan dan dikena hukuman berat jika ditahan*

**Neow Choo Seong**

Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri Luar

diket, kebanyakan lelaki Malaysia yang ditahan dikesan melakukan kegiatan itu secara berkumpulan dengan mengagihkan bahan terlarang di kalangan mereka bagi mengelak dikesan dan dikenakan hukuman berat jika ditahan.

"Berbeza dengan keldai dadah wanita yang bergerak bersendirian, lelaki melakukannya secara berkumpulan seperti di New Zealand tahun lalu. Enam lelaki ditahan kerana menyeludup dadah.

"Jika seorang penyeludup membawa tiga kilogram dadah, tentu hukuman berat dikenakan. Jika seseorang ditahan kerana menyeludup 500 gram dadah (selepas dibahagikan dengan ahli kumpulan lain), hanya hukuman ringan dikenakan," katanya.

Walaupun sukar mengenal pasti kesahihan kes keldai dadah, bantuan tetap disalurkan melalui kedutaan kita di negara berkenaan, terutama bantuan guaman bertujuan memastikan proses perbicaraan dijalankan secara adil dan telus.

"Wisma Putra bertanggungjawab menjamin hak asasi warga negara Malaysia yang terlindung di bawah undang-undang tempatan dan undang-undang antarabangsa," katanya.